

# ASPEK-ASPEK PERBEZAAN ANTARA SISTEM POLITIK ISLAM DAN DEMOKRASI BARAT: SATU TINJAUAN RINGKAS

Oleh: Tuan Ibrahim bin Tuan Man  
ITM Cawangan Pahang

## PENDAHULUAN

Kejatuhan warisan Karl Mark yang mendalangi sistem komunis serta penolakan ideologi sosialis kini menarik perhatian sebilangan besar pengkaji dan pemerhati politik. Di suatu pihak yang menganut ideologi ini memperlihatkan kebimbangan bahawa pengaruh dan penguasaan mereka akan berakhir sedangkan di pihak yang lain melahirkan kebanggaan dan sokongan, terutamanya blok Barat yang menganut ideologi demokrasi. Manakala Islam dengan prinsip rabbaniyahnya melihat perlumbaan kedua-dua aliran ini sebagai aliran yang bertentangan dengan aliran politik Islam.

## BEBERAPA PENGERTIAN.

Dalam membicarakan topik ini kita akan berhadapan dengan beberapa peristilahan yang memerlukan sedikit huraian, agar istilah tersebut tidak menyimpang jauh dengan kehendak sebenar dalam penulisan ini. Istilah tersebut ialah politik, demokrasi, syura, sekularisma, dan sebahagiannya yang diulas dalam topik-topik kecil nanti.

Peristilahan politik diertikan sebagai ilmu pemerentahan atau ilmu siasah iaitu tatacara pemerentahan negara. Ianya juga diertikan sebagai "bermacam-macam kegiatan dalam suatu sistem politik (atau negara) yang menyangkut proses menentukan tujuan dari sistem itu dan melaksanakan tujuan itu".<sup>2</sup> Bagi mencapai tujuan-tujuan tersebut, beberapa aspek perlu dimiliki seperti kebijaksanaan umum, pengaturan, pembahagian, kekuasaan serta pembiayaan.<sup>3</sup> Manakala ilmu politik pula menurut Roger F. Soltau,

"Political science is the study of the state it aims and purposes..... the institutions by which these are going to be realized, its relations with its individual members, and other states".<sup>4</sup>

Manakala J. Barents pula mendefinisikan sebagai ilmu yang mempelajari kehidupan negara.... yang merupakan bahagian dari kehidupan masyarakat; ilmu politik mempelajari negara-negara itu melakukan tugas-tugasnya."<sup>5</sup> disamping itu, terdapat berbagai-bagai definasi yang diutarakan oleh para pengkaji yang umumnya berkisar di sekitar kosnep-kosnep pokok, iaitu;

1. negara (state)
2. kekuasaan (power)
3. pengambilan keputusan (decision making)
4. kebijaksanaan, dasar (policy, beleid)
5. pembahagian atau alokasi (distribution or allocation)<sup>6</sup>

Suatu hal yang agak ketara antara konsep politik dalam Islam dengan barat ialah politik mempunyai kaitan yang amat rapat antara aqidah, syariah dan akhlak. Islam meletakkan masalah kepimpinan politik sebagai suatu permasalahan yang penting dan perlu diberi perhatian yang serius oleh umat Islam. Islam datang untuk memperbaiki aqidah dengan memastikan keesaan Allah dapat dihayati setepatnya, dan menghapuskan segala bentuk perbezaan bagi memberi jaminan sepatutnya dan selayaknya bagi seluruh manusia.<sup>7</sup>

Manakala istilah demokrasi pula berasal dari bahasa Yunani yang terdiri dari dua suku kata iaitu demos dan kratos. Demos diertikan sebagai rakyat manakala kratos pula bererti kekuasaan, yang sekira disatukan akan membawa erti rakyat berkuasa atau 'government rule by the people'. Sesudah perang Dunia Kedua negara-negara di dunia boleh dibahagikan kepada dua aliran; samada aliran demokrasi atau sosialis komunis. Mengikut kajian pihak UNESCO bahawa demokrasi dianggap 'ambiguous' kerana mempunyai ketidaktentuan mengenai lembaga-lembaga atau cara-cara yang dipakai untuk melaksanakan idea, atau mengenai keadaan kultur serta historis yang mempunyai idea dan praktik demokrasi<sup>8</sup>. Kerana itu kita menemui berbagai bentuk dan sistem yang menamakannya dengan demokrasi, antaranya demokrasi konstitusional, demokrasi berparlimen, demokrasi soviet, demokrasi nasional, demokrasi terpimpin, demokrasi pancasila, demokrasi rakyat dan lainnya yang tidak diberi nama tetapi mempunyai perbezaan.

Syura pula diertikan sebagai persepakatan, samada dalam perlantikan pemimpin yang layak untuk memimpin, atau perbincangan bagi memutuskan sesuatu perkara yang menjadi kepentingan bagi umat Islam. Ahli syura ini pula bergantung kepada kedudukan di mana ia diamanahkan; dalam ertikata lain, ahli syura untuk mentadbir umat Islam dan negara Islam lebih ketat syaratnya daripada anggota syura yang dilantik untuk merancang mengadakan gotong royong mencuci tanah perkuburan.

Manakala istilah sekular pula berasal dari bahasa Latin 'saeculum' yang mempunyai berbagai pengertian, akibatnya ada di kalangan pengkaji yang menyamakan pengertian sekular dengan 'religion' iaitu antara barisan perkataan yang paling kaya dengan makna dan pengertian.<sup>9</sup> Dalam perkataan sekular, terdapat dua perkara yang asas, iaitu masa dan tempat. Syed Naquib al-Attas menjelaskan bahawa masa atau zaman yang dikandung oleh 'saeculum' itu merujuk kepada masa sekarang yang bersifat kekinian. Manakala tempat pula merujuk kepada dunia atau yang bersifat keduniaan. Beliau menyatakan:

Saeculum bererti masa kini, dan erti ini membayangkan pula maksud rujukannya kepada dunia yang sentiasa berubah binasa ini, dan tidak kepada yang lain. Juga kepada kehidupan duniawi. Kehidupan dunia yang terbayang sebagai sentiasa menempuh perubahan, dan insan pun (menurut pengertian ini) harus menyelaraskan diri berubah mengikut perubahan yang ditempuhnya.<sup>10</sup>

Jelasnya sekularisma dapat diertikan sebagai suatu fahaman yang memisahkan antara persoalan keagamaan dengan urusan pemerintahan, ekonomi, kebajikan, sosial dan lainnya. Kesan yang paling ketara daripada penyebaran ini ialah lahirnya ahli-ahli politik yang merancang program politik dan sistem politik tanpa melihat apakah ianya sesuai dengan tuntutan agama atau tidak; ahli-ahli ekonomi yang mencipta sistem ekonomi tanpa meninjau apakah program perekonomiannya bercanggah dengan Islam atau tidak, begitu juga dalam lapangan-lapangan lain. Kerana itu bilamana program itu dilaksanakan, maka akan kedengaran kritikan, komentar dan bantahan dari umat Islam yang meninjau dari perspektif keagamaan; sedangkan golongan yang merancang menganggap ianya tiada kaitan dengan agama. Ujudnya dualisma dalam penilaian ini merupakan suatu fenomena ujudnya fahaman sekular dalam masyarakat atau negara itu.

#### **ASPEK-ASPEK PERBEZAAN**

Tulisan ini hanya akan mengemukakan beberapa aspek perbezaan yang pada pandangan penulis merupakan prinsip asas yang membezakan antara kedua-dua aliran politik. Antaranya prinsip asas kekuasaan, sistem syura dan pemilihan dalam demokrasi, kekuasaan, tujuan dan sebagainya.

Walaupun terdapat berbagai-bagai aliran demokrasi, namun ianya boleh dibahagikan kepada dua kelompok utama; iaitu demokrasi konstitusional yang lebih dikenali sebagai 'demokrasi' tetapi pada hakikatnya mendasarkan dirinya atas komunisme. Manakala aliran kedua ialah demokrasi yang berasal dari Eropah, yang dikembangkan selepas Perang Dunia Kedua dan didokongi oleh beberapa negara baru merdeka di Asia<sup>11</sup> samada di atas dasar demokrasi berparlimen atau demokrasi pancasila.

Dalam sistem demokrasi, seluruh aktiviti hanya berkisar kepada negara dan warganegara, ini bukanlah suatu yang asing kerana asas demokrasi 'dari rakyat, untuk rakyat, kepada rakyat' mencerminkan realiti ini. Dari ungkapan tersebut ternyata sistem demokrasi yang lahir dalam bentuk ini memusatkan tumpuan ke arah manusia, yang manusia itu pula terpisah dirinya dari Tuhan (Allah). Bilamana lahir sistem, yang terpisah dari Allah atau lebih umum disebut agama, maka itu merupakan intipati aliran sekularisma yang meresapi bidang politik atau pemerintahan ini. Di sinilah asas perbezaan yang paling penting; kerana darinyalah lahir perbezaan yang berikut.

Islam melihat permasalahan kepemimpinan politik merupakan suatu kegiatan umum dalam usaha mendukung dan melaksanakan syariat Allah, melalui sistem pemerintahan atau politik. Jelasnya kuasa yang menentukan aliran kepemimpinan, pemimpin dan kekuasaan serta arah kekuasaan merupakan milik mutlak Allah bagi menentukannya, dan manusia yang memimpin itu mesti tunduk dibawah ketentuan tersebut. Sebagaimana firman Allah dalam surah al-anbiya': 21: 73;

“Dan Kami telah jadikan mereka sebagai pemimpin yang akan memimpin manusia dengan perintah Kami dan Kami wahyukan kepada mereka agar membuat kebajikan, mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat dan mereka patuh kepada Kami”

Fahaman sekular telah memisah jauh antara persoalan kepemimpinan politik dengan agama, sehingga dalam sistem politik demokrasi, lahirnya pemimpin yang merasai bahawa kuasa kepemimpinan dan arah aliran kepimpinannya merupakan milik mutlak. Kefahaman sebeginilah yang melahirkan berbagai-bagai corak sistem pemerintahan nantinya. Syekh Muhamad Saltout ketika menggambarkan eratnya pertalian agama dengan pemerintahan politik dalam Islam menjelaskan;

Pertalian agama dan negara adalah erat sekali, sebagaimana eratnya pertalian antara batu asas sesabua bangunan, maka agama adalah asas dan pemandu negara, dan tidak dapat digambarkan negara Islam tanpa berasaskan agama, sebagaimana juga tidak dapat digambarkan agama Islam tanpa pemandu masyarakat dan politik negara, kerana bentuk negara yang sedemikian itu bukanlah negara Islam<sup>12</sup>.

Penegasan yang dibuat oleh beliau itu menggambarkan dengan jelas hakikat bahawa kekuasaan politik hendaklah diasaskan di atas dasar syariat Allah bagi menjamin keadilan yang mutlak. Kerana sistem ciptaan manusia yang ia mempunyai kepentingan di dalamnya tidak mungkin dapat mengatasi sistem Ilahi yang Allah tiada sebarang kepentingan sewaktu menciptanya. Akibat dari pemisahan ini membawa kesan yang amat besar samada dari segi sikap maupun tanggungjawab. Aliran kepemimpinan politik dalam sistem demokrasi barat melahirkan manusia yang merasa bangga dengan jawatan dan kedudukan; sehingga lahirnya golongan yang menggunakan kesempatan yang ada bagi memenuhi kehendak dan kepuasan peribadi, walaupun gejala ini tidak meliputi semua pemimpin, tetapi tiada siapa yang dapat menafikan keujudan aliran ini.

Sedangkan kepemimpinan dalam Islam bukanlah suatu yang menjadi kebanggan, sehingga lahir perlumbaan untuk memilikinya. Tetapi merupakan suatu amanah yang sekiranya telah dipegang oleh orang telah mampu memegang amanah tersebut, benar perjalanan dan dasar yang diamalkan selaras dengan kehendak Ilahi; maka setiap rakyat diwajibkan menyokong dan membantu pimpinan itu. Sebagaimana peringatan Allah dalam al-Quran yang bermaksud;

Sesungguhnya kami telah mengemukakan amanah Kami kepada langit dan bumi, serta gunung dan ganang (untuk memikulnya) mereka enggan untuk memikulnya dan manusia memikulnya. Sesungguhnya manusia itu amat zalim lagi jahil.<sup>13</sup>

Begitu juga dengan ucapan Saidina Abu Bakar dan Umar sewaktu ditawarkan jawatan Khalifah, katanya “sesungguhnya hari ini kamu semua telah melantik aku menjadi khalifah, sedangkan aku bukanlah orang yang terbaik dikalangan kamu, maka sekiranya kamu dapati aku dalam kebenaran ikutlah aku, tetapi sekiranya kamu dapati aku dalam kesalahan perbetulkanlah aku”. Inilah sikap yang lahir dari ketundukan kepada Allah dan takutkan amanah yang dipertanggungjawab itu. Manusia yang takut ia tidak dapat menjawab persoalan dan tidak mampu menunaikan amanah yang sepatutnya dilaksanakan. Maka semua pihak mestilah memainkan peranan ini, cuma besar atau kecil tanggungjawab itu bergantung kepada besar atau kecil peranannya dalam masyarakat. Ini adalah kerana setiap individu merupakan pimpinan yang diberi amanah untuk dilaksanakan, amanah yang akan ditanya semula oleh Allah, sebagaimana sabda Rasulullah dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari;

Dari Abdullah bin Umar katanya” Saya telah mendengar Rasulullah s.a.w. telah bersabda “kamu semua adalah pemimpin, kamu semua bertanggungjawab di atas setiap yang berada di bawah pimpinan kamu. Imam (pemimpin negara) bertanggungjawab terhadap setiap rakyat dalam negaranya, suami bertanggungjawab terhadap rumahtangga dan keluarganya, isteri bertanggungjawab dalam rumahtangga suaminya dan ia bertanggungjawab memimpin dan mengurusnya, saorang buruh merupakan seorang pemimpin ke atas harta majikannya dan ia bertanggungjawab di dalam memelihara dan memimpinya”.

Di samping itu dalam sistem politik Islam, hakimiyyah Ilahiyyah merupakan hak mutlak Allah, dan manusia walau siapa sekalipun tidak berhak untuk melanggar, merobah atau memindanya. Abu Urwah di dalam bukunya ‘sistem-sistem Islam’ menjelaskan hakimiyyah Ilahiyyah membawa maksud;

- i. Bahawasanya Allah adalah pemelihara ‘alam semesta yang pada hakikatnya adalah Tuhan yang menjadi pemelihara manusia, dan tidak ada jalan lain bagi manusia kecuali patuh dan tunduk kepada sifat IlahiyyahNya Yang Maha Esa.
- ii. Bahawasanya hak untuk menghakimi dan mengadili tidak dimiliki oleh sesiapa kecuali Allah. Oleh kerana itu, manusia wajib taat kepadaNya dan beribadah kepadaNya.
- iii. Bahawasanya hanya Allah sahaja yang memiliki hak mengeluarkan hukum sebab Dialah satu-satunya Pencipta.

- iv. Bahawasanya hanya Allah sahaja yang memiliki hak mengeluarkan peraturan-peraturan, sebab Dialah satu-satunya pemilik.
- v. Bahawasanya hukum Allah adalah sesuatu yang benar, sebab hanya Dia Sahaja Yang Maha Mengetahui hakikat segala sesuatu, dan ditanganNya sahaja penentuan hidayah dan penentuan jalan yang selamat lagi lurus.<sup>14</sup>

Hal ini agak berbeza dalam sistem demokrasi Barat, yang mana segala kekuasaan dan corak hakimiyyah terpulung kepada manusia yang menjadi pimpinannya, dalam sistem demokrasi berparlimen, ianya terserah kepada parlimen bagi menentukannya, tanpa menilai samada perkara itu bertepatan dengan kehendak Allah atau tidak.

Sistem syura dalam kepimpinan politik Islam seringkali disamakan dengan mesyuarat dalam sistem demokrasi atau bentuk pemilihan kepimpinan. Dalam hal ini perlu diingat bahawa antara sistem serta dasar Islam dan bukan Islam mempunyai perbezaan yang besar, sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Syed Qutb;

Semenajak lahir dan berkembangnya, dunia telah mengenali berbagai organisasi. Adapun organisasi Islam bukan satu di antaranya, bukan saduran daripadanya, dan bukan pula terambil dari kandungan keseluruhannya ... dia adalah organisasi yang tegak di atas kaki sendiri, original dengan fikirannya, berdiri sendiri dengan sistemnya...<sup>15</sup>

Sayyid Abu Ala Al-Maududi di dalam bukunya 'Human Right In Islam' sewaktu menggambarkan perbezaan ini menjelaskan;

Musyawah (syura-p) berbeza dengan demokrasi kerana kekuasaan (sovereignty) di dalam musyawarah adalah milik Allah sedangkan di dalam demokrasi ia adalah milik manusia, samada dalam bentuk suara ramai atau di dalam peruntukan perlembagaan negara. Dalam proses musyawarah manusia hanya berhak mengatakan dan memutuskan sesuatu perkara selagi mana di sana tidak terdapat sebarang dalil yang qati' di dalam al-Quran, al-sunnah dan Ijmak'. Dalam proses musyawarah manusia hanya memainkan peranan sebagai khalifah dalam hal-hal yang berkaitan dengan hukum dan undang-undang. Sebaliknya dalam sistem demokrasi, manusia menetapkan dan memutuskan hukum dan undang-undang bersesuaian dengan kepentingan yang hendak dijaga oleh suara terbanyak. Dasar demokrasi ini bertitik tolak daripada hakikat bahawa kedaulatan undang-undang (sovereignty) berada di tangan manusia. .... Dalam sistem demokrasi, manusia menggubal undang-undang untuk mereka sendiri. Tetapi dalam proses musyawarah manusia terikat untuk mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan oleh Allah.<sup>16</sup>

Di dalam hal ini berkemungkinan ada di antara kita yang memikirkan bahawa undang-undang gubalan manusia dapat memenuhi setiap keperluan tempatan dan pasti ianya akan selaras dengan keperluan, kehendak sesabuaah negara, bangsa dan waktu pelaksanaannya. Pemikiran sebegini lahir akibat kedangkalan terhadap sistem musyawarah Islam, kerana selamamana manusia dibenarkan untuk meminda setiap undang-undang dan bebas membuatnya tanpa kawalan terhadap jenis undang-undang itu, maka pasti ia akan membuat undang-undang yang menjamin kepentingan dan kedudukannya, atau dengan kata lain undang-undang itu tidak dapat memberi keadilan yang merata kepada setiap orang, walaupun ia mungkin dapat memenuhi hati sebahagian besar rakyat dalam negara (mejoriti), dan lebih jelas penggubal undang-undang itu akan membuat peraturan yang menjamin kepentingannya. Begitu juga undang-undang ciptaan manusia berapa baik sekalipun masih mempunyai ruang untuk melepaskan diri; walaupun 'lorong-lorong' untuk melepaskan diri ini tidak diketahui oleh kebanyakan rakyat namun ianya diketahui oleh golongan penggubal atau ahli undang-undang. Di sini hak majoriti akan terhakis.

Keadaan ini agak berbeza dengan sistem musyawarah dalam Islam, di mana hak penggubal undang-undang merupakan milik mutlak Allah, manusia hanya melaksanakan undang-undang yang telah digubal oleh Allah. Oleh kerana Allah tiada kepentingan dalam masa menggubal undang-undang, maka soal menjaga kepentingan tidak timbul sedikit pun. Walau bagaimanapun apakah manusia langsung tidak dibenarkan membuat sebarang peraturan?. Jawapannya tidak, bahkan yang menjadi larangan di atas hanyalah dalam perkara-perkara dasar yang menjadi prinsip umum kemanusiaan; samada dalam urusan penjagaan masalah manusia, seperti masalah daruriyyah (keperluan terpenting seperti penjagaan nyawa, keturunan, harta, agama dan akal), masalah hajiyyah yang menjadi keperluan penting seperti makanan, rumah, kenderaan, pakaian dan lainnya, begitu juga keperluan bersifat tahsiniyyah (keperluan yang bersifat sesuatu yang membawa kesejahteraan hidup manusia). Dalam hal ini perkara yang telah ditetapkan oleh Allah dan menjadi prinsip asas dalam agama tidak boleh dipinda; tetapi manusia dibenarkan untuk menggubal sesuatu yang tidak menjadi prinsip yang telah digariskan, seperti menggubal peraturan lalulintas, sebahagian dari peraturan pelaksanaan sistem politik, sistem ekonomi, sosial selama mana tidak melanggar prinsip tadi.<sup>17</sup>

Di dalam sistem politik Islam, persoalan kepimpinan diberi perhatian utama, samada pemilihan pimpinan, bentuk kepimpinan dan hala arah kepimpinan tersebut. Dalam sistem demokrasi, sesiapa sahaja yang menjadi warga negara yang tidak mempunyai rekod jenayah, boleh mengundi dan beberapa aspek sampingan lain boleh dipilih sebagai pimpinan. Keadaan ini amat berbeza sekali dengan Islam, di mana sistem politik Islam bukan sahaja melihat seseorang pemimpin itu bersih dari aspek jenayah, tetapi meletakkan syarat yang agak ketat untuk menjadi pemimpin, kerana dengan perlantikan manusia yang tidak layak memimpin sebagai pemimpin mendedahkan negara itu ke lembah kehañcuran. Sebagaimana diingatkan oleh Rasulullah s.a.w maksudnya;

Apabila diamanahkan sesuatu urusan kepada yang bukan ahlinya, maka tunggulah saat kehancuran.<sup>18</sup>

Imam al-Mawardi di dalam kitabnya 'al-ahkamus sultaniyyah" mengutarakan tujuh syarat untuk melantik pemimpin, iaitu

- i. Adalah (keadilan) dengan syarat-syarat yang menyeluruh, mencakupi segenap bidang kehidupan. Keadilan merupakan panduan utama terhadap kepatuhan dan ketaatan rakyat kepada pemerintah.
- ii. Ilmu pengetahuan agama yang mantap; yang terpancar darinya semangat jihad bagi menegakkan agama Allah.
- iii. Kesejahteraan pancaindera (kesihatan jasmani) seperti penglihatan, pendengaran dan lisan.
- iv. Kesejahteraan anggota badan dari kecacatan yang menonjol, seperti kesihatan mental.
- v. Kecerdasan sehingga sampai ke tahap sanggup menerima tanggungjawab dan memimpin rakyat dan mewujudkan kebahagiaan kepada rakyat.
- vi. Keberanian dan kesanggupan menjalankan jihad terhadap musuh-musuh negara, dan sanggup mempertahankan kehormatan seluruh rakyat di bawah jagaannya.
- vii. Berbangsa dan berketurunan Qurish iaitu kaum nabi Muhammad s.a.w dan sebilangan para sahabatnya (bagi jawatan khalifah umat Islam seluruh dunia - p)<sup>19</sup>

Pandangan al-Mawardi ini hampir sama dengan Ibn Taimiyah yang melihat aspek keadilan sebagai asas terpenting dalam kepimpinan. Keadilan yang dimaksudkan di sini ialah keadilan dari konsepsi Ilahi, bukan dari penilaian manusia yang berubah mengikut situasi dan kondisi ini.

Beliau (Ibn Taimiyah) selain itu menekankan aspek ketaqwaan, kebenaran dan kejujuran sebagai syarat bagi kepimpinan, begitu juga dengan al-Farabi.<sup>20</sup> Di samping itu beberapa syarat asas lain juga disentuh antaranya mestilah terdiri daripada orang-orang Islam, sekiranya orang di bawahnya terdiri dari umat Islam, lelaki, akil baligh, berakal, memahami Islam secara syumul dan bercita-cita untuk menegakkan Islam dan lainnya. Imam Khomeini di dalam bukunya al-hukumah fil Islam menambah bahawa seseorang pemimpin umat Islam itu mestilah mempunyai pengetahuan terhadap perundangan Islam.<sup>21</sup>



Perbezaan syarat serta beberapa aspek di atas membezakan juga tanggungjawab antara pemerintah dalam sistem demokrasi dengan tanggungjawab dalam sistem politik Islam, sepertimana yang diulas oleh para ilmuan antaranya Abdul Kadir Audah di dalam bukunya 'al-Tasyri' al-Jinan al-Islami' dan Ibn Khaldun di dalam 'muqaddimahnya' serta ribuan buku lain yang membicarakan aspek ini.

### **KESIMPULANNYA**

Dari keterangan yang amat ringkas di atas, tentulah gagal untuk membentangkan keseluruhan aspek perbezaan antara sistem demokrasi Barat (yang amat banyak dipraktikkan di dalam negara muslim) dengan pemerintahan Islam yang bersifat Rab-baniyyah itu. Apa yang diharapkan sedikit sebanyak ianya dapat membuka pemikiran agar mendalami sistem politik Islam dan lebih penting dari itu ianya akan menghapuskan prasangka bahawa sistem demokrasi itu sama sahaja dengan sistem Islam atau menghapuskan golongan yang memasukkan Islam ke dalam sistem yang dicipta oleh tangan-tangan manusia seperti istilah demokrasi Islam, sosialis Islam bahkan di Mesir pernah ujud istilah komunisme Islam.

## NOTA KAKI

1. *Abu Urwah, sistem-sistem Islam (Kuala Lumpur : Pustaka Salam, 1989) hal. 125.*
2. *Prof. Mariam Budiardjo, Dasar-Dasar Ilmu Politik (Jakarta : P.T. Gramedia, 1977) hal. 8.*
3. *Ibid.*
4. *Ibid hal. 9, lihat Roger F. Soltau, An Introduction to politics (London : Longmans, 1961) hal. 4.*
5. *Ibid.*
6. *Untuk keterangan lanjut lihat Ibid, hal 9 - 14.*
7. *A. Hasjmy, Di mana letaknya negara Islam (Singapore : Pustaka Nasional, 1979) hal. 41.*
8. *Prof. Mariam Budiardjo, Dasar-Dasar Ilmu Politik, hal. 50*
9. *Tuan Ibrahim Tuan Man, Tesis di bawah tajuk "Dualisma Kepimpinan Di Malaysia : Kajian Menurut Perspektif Islam" UKM 1984/85 hal. 9 sepertimana maksud dalam jodol asal oleh David Martin, The Religion and the Secular : Studies In secularization (London : Routledge and Kage Paul, 1969) hal. 48.*
10. *Syed Naguib al-Attas, Islam : Fahaman Agama dan Asas Akhlak (Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia, 1977 hal. 72.*
11. *Ibid, hal. 51.*
12. *Syekh Muhammad Saltout, Min Taujihatul al-Islam (Qahirah : Darul Qalam, 1964) hal. 76.*
13. *al-Quran, Surah al-Ahzab, 33:72*
14. *Abu Urwah, Sistem-sistem Islam, hal. 126 - 127.*
15. *A. Hasjmy, Di Manakah Letaknya Negara Islam (Singapore : Pustaka Nasional, 1970) hal. 74.*
16. *Abu Urwah, sistem-sistem Islam, hal. 137 sepertimana dipetik dalam tulisan asal oleh Abu Ala Al-Maududi, Human Right In Islam, hal. 8 - 9.*
17. *Untuk keterangan lanjut sila lihat Ibid, Prof. Yusof Qardawi, Penyelesaian Menurut Islam, (Selangor : hikmah Enterprise, 1985) hal. 28 - 35, lihat juga Dr. Abdul Qadir Audah, Islam dan Perundangan, K.L: Dewan (Pustaka Fajar, 1986) dan Hj. Hassan bin Hj. Salleh, Prinsip-prinsip Fekah Islam (Kelantan : Pustaka Aman Press, 1984).*
18. *Maksud hadis riwayat Bukhari.*
19. *al-Mawardi, Ahkamus-Sulaniyyah (Misr:Mustaffa al-Babi al-Halabi, 1966) hal. 17.*
20. *Untuk keterangan lanjut sila lihat Haron Khan Sharwani, Studies In Muslim Political Thought and Administration (Lahore : S.H Mohamad Ashraf, Kashmir Bazaar, 1968) hal. 73.*
21. *Imam Khomeini, Pemerintahan Islam, (terjemahan) oleh Hayyun Nawawi dan Razali Nawawi (Kuala Lumpur ( ABIM, t.t) hal. 52.*